

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 28

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan akan memansuhkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas transaksi hartanah yang dimiliki melebihi 5 tahun; ; dan
- (b) justifikasi Kerajaan mengenakan CKHT ke atas harta pusaka yang diwarisi dari generasi terdahulu yang tidak bersifat spekulatif dan ianya dianggap seperti Cukai Warisan (Inheritance Tax) .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengenaan CKHT bagi pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah yang dibuat dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya mula dilaksanakan pada 1 Januari 2019. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan pengenaan CKHT ini kerana pelaksanaannya belum genap tempoh setahun. Kerajaan akan melihat keberkesanan pengenaan CKHT ini dan prestasi pasaran hartanah secara menyeluruh.

Pengenaan cukai ke atas keuntungan yang diperoleh daripada pelupusan selepas 5 tahun pegangan dapat meluaskan asas cukai dan seterusnya bagi membendung aktiviti spekulasi yang memberi tekanan kepada harga rumah.

Bagi warganegara dan pemastautin tetap, CKHT tidak dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup. CKHT juga tidak dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu. Selain itu, pengecualian CKHT telah diberikan bagi individu warganegara Malaysia yang melupuskan hartanah termasuk rumah kediaman kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik pada harga balasan RM200,000 dan ke bawah dalam tahun ke-6 dan seterusnya.

CKHT adalah berbeza dengan *Inheritance Tax* (Cukai Warisan) kerana CKHT tidak dikenakan ke atas harta pusaka yang diwariskan dan diturunkan daripada si mati kepada pentadbir harta pusaka/wasi atau pewaris di bawah suatu wasiat. Manakala, Cukai warisan pula dikenakan ke atas pemindahan aset di kalangan golongan kaya. Sebarang pemindahan aset baik secara pemberian hadiah atau akibat kematian akan dikenakan cukai warisan harta. Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengenakan cukai warisan.